

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 14 Jun 2021 11:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: 2067 PELAJAR UUM DIBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2021 / 5 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

2067 PELAJAR UUM DIBEKALKAN MAKANAN DAN MINUMAN

TABUNG KHAS

COVID-19

UUM
mengalu-alukan
dan **MENGHARGAI**
Sumbangan Ikhlas anda.

Sumbangan boleh disalurkan melalui
UUM e-com
https: //e-com.uum.edu.my
@
pembayaran cek atas nama
Universiti Utara Malaysia
Bank Islam Malaysia Berhad
Nombor akaun :
0209-3010-0000-10
Email: sitinajiah@uum.edu.my /
sitifarhana@uum.edu.my
Abdul Roni Baharom
012-578 3135
Ammar Azman
013-394 9183

SILA HUBUNGI:

cig UUM CORPORATE COMMUNICATION

UUM ONLINE: Sintok – Seramai 2067 pelajar yang berada di dalam kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima bekalan makanan secara percuma tiga kali sehari.

Naib Canselor UUM, Prof Dato' Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, kesemua pelajar dari sepuluh Inapan Siswa (Inasis) yang menempatkan pelajar sebelum ini diagihkan makanan dan minuman.

Mereka masing-masing 244 pelajar antarabangsa dan 1823 pelajar tempatan menerima bekalan makan dan minuman sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi UUM yang bermula pada 13 Jun 2021 sehingga 26 Jun 2021.

Katanya, staf inasis akan mengagihkan makan tengahari, minum petang dan makan malam kepada semua pelajar yang tinggal di kampus ini.

“Selain daripada pengagihan makan dan minum sebanyak tiga kali itu UUM melalui Pusat Pengumpulan Barang Kering yang diselaraskan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) juga akan mengagihkan makanan kering kepada pelajar-pelajar itu,”sambung beliau lagi.

Dalam pada itu, Naib Canselor UUM turut menasihatkan pelajar agar menjaga keselamatan dan mematuhi SOP pemakaian pelitup muka semasa keluar dari bilik masing-masing untuk mengambil makanan atau ke tandas.

Bagi pelajar yang memerlukan perkhidmatan pembelian barang keperluan harian atau bahan mentah pihak pengurusan Inasis dan SAC akan membantu mereka.

Bagi pelajar yang merasakan kurang sihat dan memerlukan rawatan di Pusat Kesihatan UUM mereka boleh menghubungi Pengetua, Penolong Pengetua dan staf di inasis masing-masing selain daripada mengisi Borang Penilaian Simptom Covid-19 pada setiap hari sebelum jam 11.00 pagi.

“Saya ingin menasihatkan pelajar supaya mengamalkan 3W (Wash, Wear, Warn) dan menghindari 3C (Crowded Places, Confined, Closed Conversation),’ujar beliau lagi.

Sebarang pertanyaan atau berkaitan boleh menghubungi talian hotline Bilik Gerakan COVID-19 ditalian 04-928 4177 setiap hari mulai 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.